

Khairy enggan ulas rebut jawatan Ketua Pemuda

UM : 9/7/2007

Oleh YULPISMAN ASLI

Yang penting, Pemuda kena pastikan persiapan (menghadapi pilihan raya) yang menjadi keutamaan. Perkara lain tidak menjadi fokus

KHAIRY JAMALUDDIN
Naib Ketua Pemuda UMNO

KUALA LUMPUR 8 Julai - Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Bukit Bintang hari ini secara terbuka menyatakan sokongan kepada Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin bagi merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO, jika berlaku kekosongan jawatan itu.

Ketuanya, Baderisham Jolly berkata, pihaknya tidak nampak calon lain yang lebih sesuai bagi mengisi jawatan tersebut jika dilepaskan oleh Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Ini kerana, katanya, terdapat permintaan supaya Menteri Pelajaran itu bertanding bagi merebut jawatan lebih tinggi dalam parti pada pemilihan akan datang.

"Jika ada kekosongan, kita tidak nampak calon lain. Sekiranya saudara Khairy menawarkan diri untuk bertanding, kita memberikan sokongan padu kepada beliau," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Bukit Bintang 2007 di Dewan Besar Rahah, Yayasan Tun Abdul Razak di sini, hari ini.

Majlis perasmian mesyuarat itu disempurnakan oleh Khairy. Turut hadir Ketua UMNO

Bahagian, Datuk Seri Abdul Azim Mohd Zabidi dan Ketua Puteri UMNO Bahagian, Leni Latif.

Kenyataan Baderisham itu disambut dengan tepukan gemuruh oleh para perwakilan yang hadir.

Turut menyatakan sokongan terbuka kepada Khairy bagi mengisi jawatan Ketua Pemuda UMNO jika berlaku kekosongan ialah Abdul Azim sendiri.

Bendahari UMNO itu berkata, jika terdapat pertandingan, Bahagian Bukit Bintang akan mencalonkan beliau bagi mengisi jawatan Ketua Pemuda UMNO.

"Bahagian (Bukit Bintang) memberi sokongan penuh, cantiklah tu," katanya.

Abdul Azim turut berkata, Khairy tidak perlu bimbang dengan tanggapan pencalonan beliau ke jawatan itu masih awal dan "nak membunuh."

"Nak bunuh apa Khairy, Bukit Bintang ada hendak mempertahankan," katanya dengan menerima tepukan gemuruh perwakilan.

Menurut Abdul Azim, UMNO perlu serius dalam memilih pemimpin kerana ia tidak sama

dengan proses pemilihan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIGB) dan tidak juga untuk berseronok.

"Kita kena tengok betul-betul. Saya mengingatkan Pemuda supaya fikir betul-betul, jangan ikut suka sahaja," katanya.


Sementara itu, Khairy enggan mengulas ketika ditanya pemberita sama ada beliau akan menawarkan diri bagi merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO atau sebaliknya, jika berlaku kekosongan.

Beliau sebaliknya, meminta ahli-ahli Pemuda di semua peringkat mempersiapkan jentera bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Yang penting, Pemuda kena pastikan persiapan (menghadapi pilihan raya) yang menjadi keutamaan. Perkara lain tidak menjadi fokus," katanya.

Khairy yang terus diajukan persoalan itu cuba mengelak dengan memberi alasan tidak mendengar soalan yang diajukan pemberita.

"Saudara ada bertanyakan soalan ke, saya tidak dengar," katanya.



KHAIRY JAMALUDDIN